

## Sunway REIT beli AEON Mall Seri Manjung pada harga RM138 juta

[bharian.com.my/bisnes/korporat/2025/01/1352178/sunway-reit-beli-aeon-mall-seri-manjung-pada-harga-rm138-juta](https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2025/01/1352178/sunway-reit-beli-aeon-mall-seri-manjung-pada-harga-rm138-juta)

January 21, 2025



KUALA LUMPUR: Sunway REIT Management Sdn Bhd, pengurus Sunway Real Estate Investment Trust (Sunway REIT) mengumumkan bahawa RHB Trustees Bhd, pemegang amanah Sunway REIT, memeterai perjanjian jual beli (SPA) dengan Kar Sin Bhd dan YNH Hospitality Sdn Bhd, anak syarikat YNH Property Bhd.

Perjanjian itu adalah bagi pemerolehan aset runcit yang dikenali sebagai AEON Mall Seri Manjung yang terletak di Manjung, Perak dengan pertimbangan pembelian RM138 juta.

Hartanah itu terletak di kawasan Pusat Perniagaan Manjung Point 3, sebuah hab komersial yang dikelilingi oleh kawasan perumahan dan perniagaan komersial.

Hartanah itu adalah tumpuan tempat membeli-belah dan beriadah, menarik penduduk tempatan dan pengunjung dari Manjung, Sitiawan serta Lumut.

Ia dihubungkan dengan baik oleh jalan-jalan utama dan lebuh raya, termasuk Lebuhraya Pantai Barat (WCE) yang akan siap tidak lama lagi, memastikan akses mudah ke hartanah itu yang menyediakan perkhidmatan kepada daerah Manjung dengan jumlah penduduk melebihi 200,000 orang.

AEON Mall Seri Manjung ialah pusat beli-belah runcit dua tingkat yang terletak di atas tanah komersial pegangan bebas yang besar berkeluasan lebih kira-kira 30.25 ekar.

Ia menyediakan kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi, dengan kira-kira 2,592 ruang parkir dan 687 ruang motosikal.

Dipajak sepenuhnya kepada penyewa tunggal, AEON Co (M) Bhd, hartanah itu mempunyai baki tempoh pajakan selama 12 tahun sehingga Disember 2037.

AEON Mall Sri Manjung disewa oleh gedung dan pasar raya AEON, sambil menawarkan rangkaian luas kedai runcit, termasuk kedai fesyen, kesihatan dan kecantikan perkhidmatan, pilihan tempat makan dan kemudahan hiburan, menjadikannya destinasi kejiranan untuk membeli-belah dan beriadah.

Ia dijangka menjana hasil awal hartanah bersih (NPI) kira-kira 6.5 peratus yang merupakan hasil akretif serta-merta kepada portfolio Sunway REIT dan tujuh peratus purata pulangan untuk baki tempoh pajakan kepada AEON.

Setelah selesai cadangan pengambilalihan itu, aset di bawah pengurusan (AUM) Sunway REIT akan meningkat kepada RM10.8 bilion, mengukuhkan kedudukannya sebagai REIT tersenarai kedua terbesar di Malaysia, diukur dari segi AUM.

Ketua Pegawai Eksekutif Sunway REIT Management, Clement Chen, berkata: "Kami dengan sukacitanya mengumumkan penambahan sebuah lagi pusat beli-belah kejiranan yang kukuh kepada portfolio kami sejajar dengan strategi TRANSCEND 2027.

"AEON Mall Sri Manjung akan menyediakan pendapatan sewa jangka panjang yang stabil melalui pajakan dengan AEON yang telah diperbaharui baru-baru ini sehingga 2037."

"Kami yakin dengan prospek hartanah ini kerana ia telah membuktikan dirinya sebagai pusat membeli-belah terkemuka yang yang dominan bagi kawasan sekitar Manjung, Sitiawan dan Lumut dengan campuran penyewa yang dipilih oleh AEON selama bertahun-tahun untuk memenuhi keperluan komuniti setempat."

Melainkan sebarang keadaan yang tidak dijangka, cadangan pengambilalihan itu dijangka diselesaikan pada suku kedua 2025.